

26/05/2003

Pilihan raya olok-olok ukur kejituan jentera Umno

Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Pemimpin dan ahli Umno di semua peringkat diingatkan supaya menjadikan pilihan raya olok-olok atau 'dry run' yang akan diadakan tidak

lama lagi sebagai landasan mengukur kejituan jentera parti.

Meskipun ia sekadar 'dry run', tetapi amat penting untuk dijadikan landasan bagi pemimpin dan ahli Umno pada peringkat bahagian, Wanita, Pemuda dan Puteri menilai kemampuan Umno sama ada dalam mempertahankan kerusi Barisan Nasional (BN) atau merampas kerusi pembangkang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata 'dry run' bukan

program yang diadakan sekadar untuk memuaskan hati pemimpin Umno, sebaliknya sebagai pengukur kekuatan parti apabila bertanding dalam pilihan raya sebenar.

"Dry run bukan sekadar untuk suka-suka. Ia lebih daripada itu. Semua pihak harus menggembelng tenaga untuk menjayakannya.

"Pemimpin dan ahli Umno harus menjadikannya sebagai pengukur kekuatan jentera parti pilihan raya sebenarnya. Semua pihak harus membuat persiapan

kerana ia akan diadakan tidak lama lagi," katanya kepada Berita Harian, di

sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, format berhubung 'dry run' sedang diusahakan Ibu Pejabat Umno untuk dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Ditanya bagaimana Umno mampu mengukur keberkesanan 'dry run' kerana mereka yang menyertainya hanya terdiri daripada ahli Umno, beliau berkata, ia sama dengan atlit yang berlatih untuk sesuatu acara sukan.

"Apa lagi pilihan yang kita ada. Sama seperti atlit yang lari 100 meter,

dia kena berlatih berlari 100 meter.

"Bagaimanapun, formatnya boleh diubah suai. Ia akan dibincangkan dengan

jawatankuasa pengurusan," katanya.

Kelmarin, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dilaporkan berkata, Umno sedang mengkaji kelemahan dan kebaikan 'dry run' yang pernah

diadakan sebanyak tiga kali sebelum ini.

Khamis lalu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Umno bahagian, Pergerakan

Pemuda, Wanita dan Puteri membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum

akan datang.

Menurut Presiden Umno semua pihak dalam Umno harus mengadakan 'dry run'

sebagai persediaan awal menghadapi pilihan raya umum walaupun tempoh

kerajaan sekarang hanya berakhir menjelang akhir tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermakna pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi, sebaliknya hanya sebagai persiapan menjelang pilihan raya umum sebelum edah kerajaan berakhir.